

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1992/93

Oktober/November 1992

PLG 427 - Falsafah Pendidikan I

Masa : [2 jam]

Jawab **TIGA** soalan sahaja. Tiap-tiap soalan membawa markah yang sama.

1. Bincangkan perbezaan mazhab Idealis dan Realis mengenai metafizik, epistemologi dan nilai. Apakah implikasinya terhadap bidang teori dan amalan pendidikan?
2. Dengan ringkas terangkan perbezaan utama teori-teori falsafah pendidikan 'perennialisma' dan 'progressivisma'.
3. Sistem pendidikan dalam masyarakat unggul Plato adalah untuk membezakan orang-orang yang berbagai kaliber serta memilih bakal pemimpin masyarakat untuk diberi perhatian istimewa. Bersetujukah anda bahawa ini sepatutnya dijadikan dasar amalan sesuatu sistem pendidikan?
4. 'Kerosakan dan kesengsaraan yang dialami oleh manusia sekarang ini adalah disebabkan terpisahnya mereka dari keadaan alam semulajadi.' Bincangkan pernyataan ini dalam konteks pemikiran pendidikan Rousseau.
5. 'Di dalam pendidikan yang berkonsep bank, ilmu adalah hadiah yang diberi oleh mereka yang menganggap diri mereka berilmu kepada mereka yang dianggap tidak mengetahui apa-apa. Dengan mendepankan satu kejahilan yang muktamad terhadap orang lain, satu ciri bagi ideologi penindasan, ia menafikan pendidikan dan ilmu sebagai proses inkuiri' (Freire, 1970).

Bincangkan pernyataan di atas dengan merujuk kepada proses konsientizasi sebagai matlamat pendidikan.

- 2 -

6. Buat catatan pendek kepada yang berikut:

- [a] ciri-ciri pengetahuan dalam ugama Islam, DAN
- [b] langkah-langkah untuk mencapai matlamat 'pendidikan untuk berdikari'.

7. Di dalam pernyataan Falsafah Negara tujuan pendidikan di Malaysia ialah kearah melahirkan insan yang baik, anggota masyarakat dan warganegara yang baik. Untuk menjayakan cita-cita ini apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Pendidikan Malaysia?

- 00000000 -